



Koperasi Tunas Muda
Sungai Ara Berhad

BULETIN TUNAS MUDA

KELUARAN January 2010 Bil. 13 UNTUK ANGGOTA SAHAJA www.tunasmuda.com.my



DARI MEJA Pengerusi

**Assalamualaikum W.M.T
dan Salam Sejahtera**

Sempena tahun baru 2010 ini saya ingin mengucapkan selamat tahun baru. Semoga tahun 2010 ini semua perancangan kita dapat dilaksanakan dengan lebih baik lagi berbanding dengan tahun-tahun yang lalu.

Koperasi Tunas Muda Sungai Ara Berhad akan sentiasa berusaha untuk meningkatkan lagi pendapatan melalui projek-

projek dan juga sewaan-sewaan bangunan dan tanah. Keuntungan-keuntungan ini akan kita bahagikan kepada anggota-anggota koperasi. Begitu juga segala komitmen terhadap anggota, peruntukan-peruntukan kepada anggota akan dapat dilaksanakan dengan secepat mungkin.

Adalah menjadi tanggungjawab dan amanah yang diberikan oleh anggota kepada saya sebagai Pengerusi untuk memastikan koperasi ini ditadbir dengan baik. Dengan disiplin, komitmen dan fokus oleh semua peringkat, anggota lembaga serta kakitangan terhadap tugas dan tanggungjawab maka segala perancangan akan dapat dilaksanakan dengan jayanya. Inshaallah.

PEMBERIAN PERUNTUKAN PERUMAHAN DAN PAJAKAN TANAH KOPERASI

>>Oleh: Mohamad Nah Hashim

Sepanjang tahun 2009 sebanyak 23 anggota telah pun menerima peruntukan perumahan dengan majoritinya di kawasan pembangunan Kampung Perlis Fasa 1. Ini menjadikan jumlah anggota yang telah menerima peruntukan sehingga 31 Disember 2009 adalah sebanyak 1270 orang. Pada tahun 2010 Koperasi Tunas Muda Sungai Ara Berhad (KTMSAB) mensasarkan pemberian peruntukan kepada 64 anggota (1334 – 1270 orang = 64) yang belum menerima peruntukan anggota.

Bagi mencapai sasaran ini, KTMSAB akan menyediakan perbelanjaan sebanyak RM 30 juta untuk perbelanjaan rumah

peruntukan pada tahun 2010. Koperasi dalam masa yang sama akan cuba meningkatkan pendapatan melalui hasil pajakan tanah yang terbaru sebanyak 36 ekar dan pembangunan hartanah Koperasi. Anggaran hasil pendapatan daripada pajakan tanah Koperasi mencecah RM3.2 juta setahun.

Hasil daripada dana yang diperolehi ini akan digunakan kepada kebajikan anggota dan juga Koperasi mampu memberikan peruntukan kali kedua kepada anggota-anggota Koperasi. Inshaallah..

HARI KELUARGA ANGGOTA KOPERASI TUNAS MUDA SUNGAI ARA BERHAD

Lembaga Pengarah Koperasi Tunas Muda Sungai Ara Berhad mengucapkan ribuan terima kasih kepada kesemua anggota keluarga koperasi yang telah menghadiri hari keluarga Koperasi Tunas Muda Sungai Ara Berhad pada 17 Jan 2010 bertempat di padang Sekolah Rendah Kebangsaan Sungai Ara bermula jam 10 pagi hingga 6 petang.



Lembaga dan Pengurusan Koperasi Tunas Muda Sungai Ara Berhad mengucapkan Gong Xi Fa Cai kepada semua anggota cina koperasi.

Koperasi Tunas Muda Sungai Ara Berhad akan memberi saguhati duit raya "Gong Xi Fa Cai" sebanyak RM1000 (anggota cina) dan RM500 (anggota melayu dan india). Pembayaran akan dibayar melalui akaun bank anggota pada atau semasa 31 Jan 2010.

PROGRAM LATIHAN MKM BAGI BULAN FEB HINGGA APR 2010

BIL	KOD/ NAMA KURSUS	SASARAN PESERTA	OBJEKTIF KURSUS	TARIKH/ TEMPOH KURSUS
1.	IDB 701 Asas Keusahawanan Koperasi	<ul style="list-style-type: none"> • Anggota Lembaga Koperasi • J/K Audit Dalamam • Pengurus Koperasi dan Kakitangan Kanan Koperasi • Anggota Jawatankuasa Kecil Perniagaan • Anggota Koperasi • Pegawai Jabatan / Agensi yang menyelia koperasi 	Pada akhir kursus ini, peserta akan dapat:- <ol style="list-style-type: none"> 1. Memberi kefahaman tentang konsep dan keusahawanan dalam koperasi 2. Memberi pendedahan tentang ciri-ciri dan teknik menilai kompetensi keusahawanan 3. Memberi kefahaman tentang potensi bidang keusahawanan 	08/02 – 11/02/2010 (4 hari)
2.	IDT 456 ASAS PENGGUNAAN INTERNET	<ul style="list-style-type: none"> • Anggota Lembaga Koperasi • Jawatankuasa Audit Dalamam koperasi • Jawatankuasa Kecil Koperasi • Pegawai Jabatan / Agensi yang menyelia koperasi • Kakitangan Koperasi • Anggota Koperasi 	Pada akhir kursus ini, peserta akan dapat:- <ol style="list-style-type: none"> 1. Memberikan kefahaman dan mempelajari teknik-teknik menggunakan aplikasi Internet dengan berkesan 	01 – 03/03/2010 (3 hari)
3.	IDB 204 PERNIAGAAN MELALUI SISTEM FRANCAIS	<ul style="list-style-type: none"> • Anggota Lembaga Koperasi • Jawatankuasa kecil yang terlibat dalam penyeliaan perniagaan koperasi • Pengurus Koperasi • Anggota Koperasi • Pegawai Jabatan/Agensi yang menyelia koperasi 	Pada akhir kursus ini, peserta akan dapat:- <ol style="list-style-type: none"> 1. Memberi kefahaman tentang konsep asas dalam perniagaan francais 2. Memberi pendedahan tentang perniagaan francais 	08 – 10/03/2010 (3 hari)
4.	IDT 460 PERSEMBAHAN BERKESAN DENGAN MS POWERPOINT	<ul style="list-style-type: none"> • Anggota Lembaga Koperasi • Jawatankuasa Audit Dalamam Koperasi • Jawatankuasa Kecil Koperasi • Pegawai Jabatan/Agensi yang menyelia koperasi • Kakitangan Koperasi • Anggota Koperasi 	Pada akhir kursus ini, peserta akan dapat:- <ol style="list-style-type: none"> 1. Memberi kefahaman dan mempelajari teknik-teknik untuk menghasilkan suatu persembahan interaktif yang berkesan dengan menggunakan perisian aplikasi MS PowerPoint. 	29/03 – 31/03/2010 (3 hari)
5.	IDC 802 BENGKEL KEPIMPINAN PASUKAN CEMERLANG	<ul style="list-style-type: none"> • Anggota Lembaga Koperasi • Jawatankuasa Audit Dalamam • AJK Kecil Koperasi • Kakitangan Koperasi • Anggota Koperasi 	Pada akhir bengkel ini, peserta akan dapat:- <ol style="list-style-type: none"> 1. Memberi kefahaman kelebihan dan cabaran kerja berpasukan 2. Memberi pendedahan cara-cara membentuk dan memimpin pasukan cemerlan 	29/03 – 31/03/2010 (3 hari)

Anggota yang berminat untuk mengikuti kursus yang dianjurkan oleh MKM, sila hubungi Encik Mohd Yusoff untuk keterangan lanjut di talian 04-643 8515.

SIDANG PENGARANG

Ketua Pengarang : Tuan Haji Mazlun B. Mustaffa
 Pengarang & Grafik : Encik Mohd Hilmi B. Rashid
 Pemberita : Encik Mohamad Noh B. Hashim
 Pemberita : Puan Shahida Bt. Ahmad
 Pemberita : Puan Siti Roziah Bt Mohd Burhanudin

Pemberita : Cik Sazwani Bt Sabdin
 Pemberita : Cik Siti Aishah Bt Shafiei
 Pemberita : Puan Bibi Rasidah Bt Johanis
 Percetakan / Pengedaran : Puan Hajjah Che Maimunah Bt. Kassim
 Jurugambar : Encik Ahmad Jasmi B. Ghazali

Bantuan Kebajikan Am (Khairat Kematian) Tahun 2009 (RM2,500 seorang) AL-FATIHAH/TAKZIAH

BIL	NAMA	NO. ANGGOTA	UMUR	TARIKH MENINGGAL	BANTUAN (RM)
1	Hasak bin Mat Hussain	2213	59	04.02.2009	2,500.00
2	Ibrahim bin Osman	0241	80	12.02.2009	2,500.00
3	Tan Swee Kim	1088	68	27.02.2009	2,500.00
4	Kelsom bt Chik	2518	62	28.02.2009	2,500.00
5	Sim Ten Kheng	1452	60	16.03.2009	2,500.00
6	Mohd Noor bin Man	0767	73	06.04.2009	2,500.00
7	Rahmah bt Musa	2376	55	23.04.2009	2,500.00
8	Baidah bt Salleh	1484	70	30.04.2009	2,500.00
9	Zainab bt Mustam	2095	78	06.05.2009	2,500.00
10	Che Mat @ Che Amat bin Darus	0159	79	16.05.2009	2,500.00
11	Rokiah bt Jatin	2144	72	23.05.2009	2,500.00
12	Daud bin Saad	1776	60	24.05.2009	2,500.00
13	Ng Kim Cheng	1584	78	02.06.2009	2,500.00
14	Yeoh Hean Chye	1840	73	19.06.2009	2,500.00
15	Abdul Majid bin Nor	0112	66	22.06.2009	2,500.00
16	Bidin bin Hashim	0038	88	14.07.2009	2,500.00
17	Othman bin Ishak	1029	70	27.07.2009	2,500.00
18	Kassim bin Zakaria	1071	77	06.08.2009	2,500.00
19	Sabariah bt Md. Zain	1552	65	01.09.2009	2,500.00
20	Patma Bee bt Abdul Rahman	2659	56	03.09.2009	2,500.00
21	Ishak bin Amir	0193	64	08.09.2009	2,500.00
22	Hashim bin Cha	1141	78	14.09.2009	2,500.00
23	Mohd Yazid bin Mohd Hashim	1338	73	14.09.2009	2,500.00
24	Ong Bok Sim	0540	75	04.10.2009	2,500.00
25	Remlah bt Udoh	2230	75	09.11.2009	2,500.00
26	Saidin bin Awang	0412	93	21.11.2009	2,500.00
27	Lim Chew Lai	1664	56	04.12.2009	2,500.00

Bantuan Kebajikan Am (Bencana Alam) Tahun 2009

BIL	NAMA ANGGOTA	BENCANA ALAM	TARIKH KEJADIAN	BANTUAN (RM)
1	Parvathy a/p Appalasaamy (1745)	Angin kencang	07.01.2009	100.00
2	Sariful Hazni Omar (2433)	Rumah dimasuki air	11.07.2009	150.00
3	Jaafar Bin Hussain	Rumah dimasuki air	16.11.2009	300.00
4	Salmiah Binti Yahaya	Rumah dimasuki air	16.11.2009	300.00

Anggota-anggota yang masih belum memberikan sekeping gambar berukuran passport untuk dimasukkan ke dalam sistem adalah seperti berikut:-

BIL	NAMA	No. Anggota
1	Tan Cheng Hock	1946
2	Teh Hak Eng	2073
3	Rozali B. Ibramsa	2199

Anggota-anggota yang masih belum memberikan nombor akaun bank untuk kemasukan duit dividen, saguhati duit perayaan adalah seperti berikut:-

BIL	NAMA	No. Anggota
1	Ibrahim B. Hashim	0162
2	Tan Cheng Hock	1946

Sebarang perubahan alamat dan nombor telefon hendaklah dimaklumkan kepada Koperasi. Sila hubungi unit keanggotaan untuk keterangan lanjut: 04-6438515 (Puan Norsidah/Cik Sazwani)



Idaman Lavender
Taman Tunas Idaman
kehidupan bersama alam
Hakmilik Kekal

- Laman Lanskap
- Tempat Letak Kereta Berbumbung
- Perkhidmatan Keselamatan



176 Unit Pangsapuri Kos Sederhana

www.tunasmuda.com.my



MIN : RM 165,500.00
MAX : RM 176,000.00
5% Diskaun Untuk Bumiputra

Untuk Maklumat lanjut Sila Hubungi

04-643 8515

Dibuka Untuk Jualan

SANA-SINI

>> Oleh: Shahida Ahmad/Sazwani Sabdin

MAJLIS SUMBANGAN WANG RAYA KEPADA SURAU DAN MASJID SERTA GOLONGAN FAKIR MISKIN YANG DIADAKAN PADA 17 SEPT 2009 DI PERKARANGAN MASJID SG ARA.

->>Ahmad Jasmi Ghazali



"Zakat tahunan..."
 Pengerusi Koperasi Tunas Muda Sungai Ara Berhad Ir. Mansor Musa sedang memberikan sumbangan zakat kepada warga emas yang susah yang berada di kawasan tanah KTMSAB. Majlis tersebut di adakan di perkarangan masjid Al-Huda Sungai Ara.

LAWATAN KOPERASI-KOPERASI SABAH DAN SARAWAK SERTA MAKTAB KERJASAMA MALAYSIA PADA 6 JAN 2010.

"Hebat ye..."selepas para peserta mendengar taklimat dan penerangan daripada Pengerusi mengenai pembangunan projek yang dijalankan.

->>Ahmad Jasmi Ghazali



->>Ahmad Jasmi Ghazali



PELAWAT-PELAWAT DARI KOPERASI PERUMAHAN MELAYU KINTA BERHAD

"Bagaimana tu...." Pelawat dari Koperasi Perumahan Melayu Kinta Berhad yang terdiri daripada anggota Lembaga bertukar-tukar fikiran dan melihat-lihat pembangunan projek yang dibina oleh Koperasi pada 18 November 2009.

PROJEK PERUMAHAN RELAU PAGAR BULOH FASA 1A (PANGSAPURI IDAMAN IRIS) CADANGAN PEMBINAAN 1 BLOK PANGSAPURI KOS SEDERHANA, 1 HINGGA 20 TINGKAT TERMASUK 1 TINGKAT KEMUDAHAN DAN 4 TINGKAT TEMPAT LETAK KENDERAAN BERJUMLAH 448 UNIT

Pembangunan projek ini melibatkan tanah seluas lebih kurang 4 ekar. Kebenaran memulakan kerja telah diperolehi daripada pihak MPPP pada 20 Ogos 2009. Pada masa kini kerja-kerja 'Pile Cap' (Tetopi Cerucuk) sedang giat dijalankan di tapak projek. Keseluruhan kerja-kerja pembinaan dijangka akan dapat disiapkan pada Jun 2011.

Jualan telahpun mencapai tahap 90%. Hanya tinggal unit untuk kuota bumiputera sahaja.



>> Ahmad Jasmi Ghazali



>> Ahmad Jasmi Ghazali



PROJEK PERUMAHAN RELAU PAGAR BULOH FASA 1B (PANGSAPURI IDAMAN LAVENDER) CADANGAN PEMBINAAN 2 BLOK PANGSAPURI KOS SEDERHANA 750 K.P 352 UNIT.

Pembangunan projek ini melibatkan tanah seluas lebih kurang 5 ekar. Projek ini dianugerah secara turnkey kepada anak syarikat Koperasi iaitu Sri Tunas Sdn. Bhd. Pada masa kini kerja-kerja bangunan sedang giat dijalankan.

Blok A- Unit Peruntukan Kepada Anggota: kerja-kerja kerangka bangunan (struktur) telah mencapai tingkat 8.

Blok B-Unit Untuk Jualan: kerja-kerja kerangka bangunan (struktur) telah siap 100% dan kerja kemas sedang giat dijalankan.

Keseluruhan kemajuan kerja-kerja pembinaan ditapak adalah pada peringkat 43% dan dijangka akan siap sepenuhnya pada Jun 2010

Peratus jualan telahpun mencapai tahap 58%.

PROJEK PERUMAHAN RELAU PAGAR BULOH FASA 1C (PANGSAPURI IDAMAN MELOR) CADANGAN PEMBINAAN 1 BLOK PANGSAPURI KOS RENDAH 650 K.P. 280 UNIT.

Pembangunan projek ini melibatkan tanah seluas lebih kurang 1.5 ekar. Pada masa sekarang kerja 'Pile Cap' (Tetopi Cerucuk) dan 'Piling' sedang giat dijalankan. Keseluruhan kerja-kerja pembinaan dijangka akan dapat disiapkan pada September 2010.



>> Ahmad Jasmi Ghazali



>> Ahmad Jasmi Ghazali



PROJEK PENEMPATAN SEMULA JALAN TENGAH FASA 7A

Tapak cadangan projek ini terletak di Jalan Tengah, Sungai Ara, Pulau Pinang dan berkeluasan lebih kurang 3 ekar. Projek ini adalah projek peruntukan rumah kepada anggota koperasi. Komponen pembangunan terdiri daripada 26 unit rumah berkembar 2 tingkat, 3 unit rumah sesebuah 2 tingkat dan sebuah bangunan pencawang elektrik. Kerja-kerja bangunan telah 100% siap. Jangkaan Sijil Layak Menduduki (OC) diperolehi pada Mac 2010.

PROJEK KAMPUNG PERLIS FASA 1-CADANGAN MEMBINA 20 UNIT RUMAH SESEBUAH 1 TINGKAT, 50 UNIT RUMAH SESEBUAH 2 TINGKAT DAN TAPAK UNTUK 31 UNIT LOT BANGLO DI ATAS SEBAHAGIAN LOT 8009 (LOT LAMA 2368).

Pembangunan projek ini melibatkan tanah seluas lebih kurang 12 ekar. Projek ini adalah projek peruntukan untuk anggota koperasi. Pada masa kini kerja untuk kerjatanah di tapak projek telah 100% siap.

Pada masa sekarang kerja-kerja 'Pile Cap' (Tetopi Cerucuk) dan kerja Piling sedang giat dijalankan. Keseluruhan kemajuan kerja-kerja pembinaan ditapak adalah pada peringkat 5% dan dijangka akan siap sepenuhnya pada September 2010.



>> Ahmad Jasmi Ghazali



Informasi Perumahan Kos Rendah

Syarat Kelayakan Membeli Rumah Kos Rendah

1. Warganegara Malaysia.
2. Bermastautin di negara Pulau Pinang.
3. Berumur 21 tahun ke atas pada tarik memohon.
4. Pendapatan keluarga tidak melebihi RM2,500.00 sebulan.
5. Pemohon (suami/ isteri) belum memiliki rumah

Maklumat lanjut dan borang diperolehi di

Kaunter Pejabat Perumahan, Tingkat 3, Bangunan Komtar, Pulau Pinang.

Sebarang pertanyaan boleh dihubungi melalui telefon **04-262 1957 ext. 5373**

Pengeluar Roti Arab

Nikmati kelazatan roti arab, rasa sekali pasti nak lagi. Untuk tempahan hubungi Encik Radzi di talian 019 – 423 0849 atau Puan Salwa 019-522 3384 (Kedai Ara Sejati Enterprise, 130, Lorong Sg Ara 2, Kampung Baru, Sungai Ara, 11900 Pulau Pinang)




Pertama Kali **100% Halal Candy Marshmallow**

Cubalah makan, menyeronokkan.. Tak pun, belilah untuk anak-anak. Budak-budak memang suka. Untuk keterangan lanjut, sila hubungi Puan Samira di talian 017-439 4511 untuk tempahan

Tempahan Baju Kurung



Sesiapa berminat untuk menempah baju kurung seperti pakaian sekolah boleh membuat tempahan kepada Puan Latipah di talian 012- 577 3384.



Pembekal gajet terkini

Mobile Hut, menawarkan pelbagai pilihan komputer riba berserta pakej P1 jalur lebar tanpa wayar. Kesemua anggota Koperasi layak memperoleh 10% hingga 30% diskaun (barangan tertentu sahaja).

Untuk maklumat lanjut sila hubungi Encik Philip Teh di talian 012-422 2299 (Kedai No. 3A-A-34, Komplek Bukit Jambul, Jalan Rimbia, Sg Nibong 11900 Bayan Lepas Pulau Pinang)



Guna komputer sebagai interkom

>>Oleh: Bibi Rasidah Johanis

KOMPUTER kini boleh digunakan sebagai telefon untuk berhubung dengan keluarga, rakan atau rakan sekerja. Apa yang diperlukan hanyalah perisian yang boleh menyokong kemudahan seumpamanya di atas standard Suara Menerusi Protokol Internet (VOIP).

Oleh kerana Skype merupakan perisian untuk menggantikan telefon biasa, ianya beroperasi seperti telefon yang mana apabila panggilan dibuat, penerima perlu menekan butang 'Answer' sebelum perbualan boleh dilakukan.

Kadangkala kita perlukan kemudahan yang terdapat pada telefon di pejabat kita yang mana penerima boleh terus mendengar suara pemanggil tanpa perlu menjawab panggilan. Kemudahan itu dinamakan Interkom. Kemudahan menggunakan Interkom di komputer kini boleh digunakan dengan perisian yang dinamakan Loudtalks.

Ia boleh dipindah turun di www.loudtalks.com. Apabila perisian sudah dipasang, anda boleh berkomunikasi dengan sesiapa saja di seluruh dunia seolah-olah mereka berada di pejabat yang sama. Selepas perisian dipasang, langkah pertama adalah mendaftarkan nama pengenalan anda: Beritahu rakan anda supaya memindahturunkan perisian yang sama dan seterusnya mendaftarkan nama pengenalan mereka.

Selepas rakan anda berjaya mendaftar, anda hanya perlu memilih Tools > Add a contact untuk berkomunikasi dengan mereka. Selepas anda menjemput rakan anda untuk berkomunikasi, pastikan rakan anda menerima jemputan itu untuk perbualan boleh diteruskan. Untuk berhubung dengan rakan anda yang namanya berada di dalam senarai, anda hanya perlu pilih nama mereka dan tekan butang untuk bercakap.

Jika anda tidak mahu menekan butang tersebut anda boleh menekan butang F7 sebagai jalan pendek. Jika anda ingin mengubah fungsi butang-butang yang diberikan, anda boleh mengubahnya dengan memilih Tools > Options. Jika anda belum ada rakan untuk berinterkom, tambahkan sahaja nama pengenalan saya RASIDAH sebagai cubaan untuk kita mulakan interkom dari mana saja anda berada.



Petua Hilangkan Bau Dalam Peti Ais

Sekiranya peti ais anda berbau busuk dan bau yang tidak menyenangkan, arang yang diletakkan dalam peti air mampu menghilangkannya. Dapatkan arang, tidak perlu banyak. Letakkan dalam mana-mana ruang peti air anda.

Sekarang terdapat arang untuk digunakan dalam peti ais dibuat daripada arang buluh. Ia mampu menghilangkan bau peti ais dan bertahan sehingga 6 bulan.

10 Langkah Ke Arah Kesihatan Mental Yang Positif

- Menerima kenyatandiri secara realistik.
- Mengendali masa dengan baik (time management)
- Merancang perubahan dalam kehidupan secara bijak
- Memupuk hubungan harmoni dan kasih sayang dengan ahli keluarga dan orang lain
- Menjaga kesihatan fizikal
- Menyediakan masa untuk aktiviti fizikal dan riadah
- Memastikan rehat dan tidur yang cukup
- Mengendalikan tekanan mental secara berkasan
- Mengamalkan asas-asas kerohanian yang baik
- Berkongsi masalah dengan orang lain dan mendapat pertolongan profesional sekiranya perlu

SEMBANGLAWAK

Makan Semut


Ketika Memeriksa Seorang Pesakit, Dr. Rafik Mendapat Panggilan Telefon Daripada Seorang Suri Rumah, Suaranya Begitu Cemas.

Suri Rumah: Doktor ! Doktor! Anak Saya Makan Semut.

Doktor : Tak Apa, Jangan Cemas. Semut Tidak Berbahaya.

Suri Rumah : Tapiiii... Saya Dah Beri Dia Makan Racun Serangga Agar Semut Tu Mati !.

Doktor : Apa ??? Cepat Bawa Dia Ke Hospital



Mata

Seorang lelaki pergi ke klinik mata. Setelah matanya diperiksa, dia bertanya:

"Doktor lepas pakai cermin mata nanti, boleh saya membaca macam orang lain"?

"Dah tentu. " jawab doktor.

"Oh, gembiranya. Dah lama saya buta huruf, akhirnya boleh juga saya membaca," kata lelaki itu dengan riang.



>>Oleh: Mohamad Noh B. Hashim

Sila kemaskini alamat surat menyurat tuan/ puan sekiranya ada perubahan dan hantarkan kepada Koperasi.

POTONG DAN KEMUKAKAN KEPADA:-

Setiausaha,
Koperasi Tunas Mudah Sg. Ara Berhad
No. 126, Jalan Dato' Ismail Hashim,
Taman Tunas Mudah, Sungai Ara,
11900 Bayan Lepas, Pulau Pinang.

MAKLUMAT PERTUKARAN ALAMAT

Pertukaran alamat surat menyurat saya adalah seperti berikut:-

Nama _____ No. Anggota _____

No. Kad Penenalan _____ No. Telefon _____

Alamat Baru _____

Tandatangan _____ Tarikh _____





Jika tidak sampai, kembalikan kepada:

KOPERASI TUNAS MUDA SUNGAI ARA BERHAD

No. 126, Jalan Dato' Ismail Hashim,
Taman Tunas Muda, Sungai Ara,
11900 Bayan Lepas, Pulau Pinang.
Tel: 04-6438515 Fax: 04-6437507